



The current issue and full text archive of this journal is available at

<https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal>

DOI: <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v8i2.200>

Prosedur dan Peraturan Permohonan Tauliah Penyembelihan Halal di Malaysia: Isu dan Cadangan Penambahbaikan

**Law on Halal
&
Consumerism**

***Procedures and Regulations for Halal Slaughtering
Certification Applications in Malaysia: Issues and
Recommendations for Improvement***

191

FAKHRI SUNGIT
(Corresponding Author)

MUHAMMAD SUBARI RAMLI

MOHD MUSA SARIP

Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Islam Selangor (UIS)

43000 Kajang, Selangor, Malaysia

fakhri@uis.edu.my

subari@uis.edu.my

mmusa@uis.edu.my

Submitted date: 9 October 2024

Revised date: 29 October 2025

Acceptance date: 30 October 2025

Available online: 31 October 2025

MOHAMMED RIZKI MOI

Fakulti Ekonomi, Perakaunan dan Pengurusan

Universiti Islam Selangor (UIS)

43000 Kajang, Selangor, Malaysia

rizki@uis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti prosedur dan peraturan permohonan tauliah penyembelih halal di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada tiga negeri terpilih, iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen rasmi yang diperoleh daripada Jabatan Agama Islam negeri-negeri tersebut, termasuk borang permohonan, garis panduan, dan Standard Operating Procedure (SOP) yang berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun pelaksanaan tauliah penyembelih berpandukan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) yang diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), terdapat ketidakseragaman antara negeri dari segi syarat kelayakan, kadar bayaran, tempoh sah laku, dan keperluan kursus. Ketidakseragaman ini berpotensi mewujudkan ketidakseimbangan dalam industri sembelihan halal antara negeri. Kajian turut mengenal pasti beberapa isu utama seperti ketiadaan keseragaman prosedur, kurangnya kesedaran pemilik syarikat terhadap tanggungjawab fardhu kifayah, serta keperluan peningkatan kompetensi akademik dan teknikal penyembelih. Oleh itu, kajian ini mencadangkan beberapa penambahbaikan, antaranya penyelarasan syarat permohonan





di seluruh negeri, pelaksanaan kursus pra-tauliah untuk pemilik syarikat, penetapan kelayakan akademik minimum bagi penyembelih industri sederhana dan besar, serta pembangunan direktori digital pemegang tauliah bagi meningkatkan ketelusan dan kepercayaan awam. Secara keseluruhannya, sistem pentauliahian penyembelih halal di Malaysia masih mempunyai ruang penambahbaikan dan diperkukuh melalui kerjasama bersepadu antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memastikan standard halal yang konsisten, telus dan diyakini, selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai hab halal global.

Kata Kunci: Tauliah Penyembelih, Halal, Prosedur Sembelihan, JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri

ABSTRACT

This study aims to identify the procedures and regulations for the application of halal slaughtering accreditation in Malaysia, focusing on three selected states, namely Selangor, Negeri Sembilan, and Penang. The study employs a qualitative approach through the analysis of official documents obtained from the respective State Islamic Religious Departments, including application forms, guidelines, and related Standard Operating Procedures (SOP). The findings reveal that although the accreditation process is generally guided by the Manual Procedure for Malaysian Halal Certification (Domestic) issued by JAKIM, there are inconsistencies among the states in terms of eligibility requirements, fees, validity periods, and training prerequisites. Such inconsistencies may lead to imbalances within the halal slaughtering industry across states. The study also identifies key issues, including the lack of standardisation in accreditation procedures, limited awareness among business owners regarding fard al-kifayah responsibilities, and the need to enhance the academic and technical competence of slaughterers. Hence, several recommendations are proposed: harmonising application requirements nationwide, introducing pre-accreditation courses for company owners, setting minimum academic qualifications for slaughterers in medium and large-scale industries, and developing a digital directory of accredited slaughterers to promote transparency and public confidence. Overall, the halal slaughterer accreditation system in Malaysia has a room of possible enhancement and strengthening through integrated cooperation between JAKIM and the State Islamic Religious Departments to ensure a consistent, transparent, and credible halal standard, reinforcing Malaysia's position as a global halal hub.

Keywords: Slaughterer Accreditation, Halal, Slaughtering Procedure, JAKIM, State Islamic Religious Department

PENDAHULUAN

Industri halal di Malaysia memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan dan keyakinan umat Islam terhadap makanan yang dihasilkan. Di Malaysia, konsep halal dan tayyiban telah diamalkan secara menyeluruh melalui pelaksanaan standard halal dan penguatkuasaan pensijilan halal bagi memastikan semua umat Islam



mendapat akses kepada makanan yang halal (Sungit et. al., 2020). Dengan mengamalkan sistem halal, pemain industri akan mendapat pensijilan halal yang dianggap sebagai prasyarat untuk memasuki pasaran halal global (Zainalabidin et. al. 2019). Salah satu aspek kritikal dalam rantai halal ialah amalan penyembelihan yang mengikut hukum syarak. Seiring dengan perkembangan industri makanan halal global, Malaysia menetapkan garis panduan dan prosedur ketat bagi memastikan hanya individu yang berkelayakan dibenarkan menjalankan proses penyembelihan. Proses ini dijalankan bagi mengesahkan produk yang dikeluarkan telah memenuhi kehendak jaminan kualiti, perundangan berkaitan kualiti yang ditetapkan, serta syarat-syarat minimum prestasi selain daripada aspek halal (Ruslan, et. al. 2023).

Secara prinsipnya, Islam telah meletakkan hak mutlak bagi menghalalkan dan mengharamkan sesuatu perkara adalah hak Allah semata-mata. Begitu juga, dalam aspek pemakanan (Zaharuddin, 2022). Walaupun individu tersebut mempunyai jawatan tinggi dan berpangkat besar, namun dia tiada hak untuk mengharamkan atau menghalalkan sesuatu makanan ke atas manusia lain selama-lamanya (al-Qaradhawi, 1960). Seperti mana terdapat kaedah fiqh yang berkaitan (Sungit, 2018) iaitu

Sesungguhnya menghalalkan dan mengharamkan adalah hak Allah semata-mata dan tidak mampu seorang insan itu mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.

Walau bagaimana pun, urusan hukum halal dan haram ke atas makanan boleh diuruskan secara pentadbiran melalui penguatkuasaan yang ada pada pihak pemerintah melalui garis panduan, standard atau pun pensijilan bagi menjamin hukum halal kepada masyarakat Islam khususnya. Begitu juga penyembelihan haiwan halal perlu diuruskan secara sistematik memandangkan penyembelihan telah menjadi satu industri yang terdedah kepada risiko halal yang sangat besar agar maqasid syariah terpelihara. Walau apapun, pengusaha-pengusaha hari ini mempunyai pilihan sama ada untuk memohon sijil halal atau pun sebaliknya. Hal ini ekoran permohonan sijil halal adalah bersifat sukarela dan tidak diwajibkan Razaly & Zakaria (2018).

Justeru, keperluan tauliah penyembelih diwujudkan oleh pihak berkuasa agama negeri sebagai instrumen kawalan bagi memastikan integriti, kebersihan dan pematuhan syariat dalam penyembelihan haiwan. Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan prosedur dan peraturan permohonan tauliah penyembelih di Malaysia dengan memberi tumpuan kepada beberapa negeri. Di samping itu, beberapa isu yang berkaitan pentauliah halal dibincangkan bagi mengenalpasti cadangan penambahbaikan bagi memperkasakan institusi sembelihan halal di Malaysia.

Objektif dan Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti prosedur dan peraturan berkaitan permohonan tauliah penyembelih bagi penyembelihan halal di Malaysia, dengan penumpuan khusus diberikan kepada tiga buah negeri, iaitu Selangor, Negeri Sembilan



dan Pulau Pinang. Daripada segi metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pengumpulan data dokumen yang diperoleh daripada sumber rasmi Jabatan Agama Islam negeri-negeri yang terlibat. Pemilihan sampel di negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang adalah berdasarkan kepada kedudukan negeri-negeri tersebut dalam kalangan lima negeri yang mencatatkan bilangan ternakan tertinggi di Malaysia, seperti yang dilaporkan dalam *Buku Perangkaan Ternakan 2022/2023* (Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) , 2023).

Instrumen kajian melibatkan analisis terhadap bahan kepustakaan dan dokumen rasmi, termasuk borang permohonan tauliah penyembelih, prosedur permohonan, serta dokumen berkaitan seperti *Standard Operating Procedure* (SOP) yang diguna pakai oleh setiap jabatan. Teknik analisis data yang digunakan ialah kaedah analisis kandungan (*content analysis*), yang bertujuan meneliti, menafsir dan membandingkan kandungan dokumen rasmi bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan dalam pelaksanaan prosedur tauliah penyembelihan halal antara negeri yang dikaji.

LATAR BELAKANG PROSEDUR DAN PERATURAN PERMOHONAN Tauliah Penyembelih Di Malaysia

Dalam merealisasikan Malaysia sebagai Hab Halal dunia, pembangunan industri halal khususnya pengesahan pensijilan halal telah berkembang sejajar dengan tuntutan semasa. Kerajaan Malaysia melalui JAKIM/JAIN yang terlibat secara khusus dalam pensijilan halal di Malaysia turut melaksanakan pelbagai transformasi. Ia bermula dengan penubuhan sebuah badan bebas, iaitu Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) oleh Majlis Raja-Raja di Malaysia, hasil daripada mesyuarat Persidangan Majlis Raja-Raja kali kelapan pada 17 Oktober 1968 (Abdullah et. al., 2021).

Sejarah pentaulihan sembelihan halal di Malaysia berkait rapat dengan perkembangan sistem pentadbiran agama Islam di peringkat negeri. Pada awalnya, amalan penyembelihan diuruskan secara tradisional oleh masyarakat Islam tanpa memerlukan pengesahan rasmi daripada pihak berkuasa agama. Walau bagaimanapun, dengan berkembangnya industri pemprosesan makanan, rumah sembelihan moden dan permintaan pensijilan halal pada era 1970-an, timbul keperluan untuk memperkenalkan mekanisme kawalan yang lebih sistematik (JAKIM, 2020).

Pada tahun 1974, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), ketika itu dikenali sebagai Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) di Jabatan Perdana Menteri, mula memainkan peranan dalam menyelaras isu halal di peringkat nasional. Antara langkah penting yang diperkenalkan ialah pelaksanaan Sijil Halal Malaysia yang turut menekankan aspek kelayakan penyembelih (Ibrahim et al., 2018). Negeri-negeri kemudiannya mula mewajibkan penyembelih di rumah sembelihan awam memiliki tauliah daripada Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sebagai bukti kelayakan (JAIS, 2022).



Pada dekad 1990-an, isu integriti halal semakin mendapat perhatian global, khususnya selepas penggubalan Standard MS 1500:2004 – Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan. Piawaian ini menegaskan bahawa hanya penyembelih Muslim yang bertauliah dibenarkan menyembelih haiwan di rumah sembelihan berlesen (JHEAINS, 2016). Justeru, sistem pentauliahian penyembelih diperluas dan diperincikan oleh setiap negeri, dengan syarat wajib menghadiri kursus asas sembelihan serta lulus ujian yang ditetapkan.

Perkembangan penting seterusnya ialah penerbitan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 oleh JAKIM yang memperincikan semula syarat-syarat tauliah penyembelih. Manual ini menjadi rujukan utama negeri-negeri dalam menggubal prosedur permohonan dan pembaharuan tauliah (JAKIM, 2020). Selain itu, kerjasama antara JAKIM, JAIN dan pihak berkuasa tempatan memastikan pelaksanaan pentauliahian sembelihan halal lebih tersusun, telus dan seragam di seluruh negara.

Secara keseluruhannya, sejarah pentauliahian sembelihan halal di Malaysia menunjukkan peralihan daripada amalan tradisional tanpa kawalan kepada sistem yang teratur, berlandaskan undang-undang syariah, piawaian halal kebangsaan serta pemantauan berterusan. Perkembangan ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan pengguna Muslim tetapi juga mengukuhkan reputasi Malaysia sebagai hab halal global (Abdul Qahhar et al., 2018; JAIS, 2022).

Pentauliahian Sembelihan Moden

Kajian dan dokumen rasmi berkaitan tauliah penyembelih di Malaysia menunjukkan bahawa proses ini merupakan aspek penting dalam menjamin integriti sistem halal negara. Menurut JAKIM (2020), setiap penyembelih yang terlibat di premis sembelihan halal wajib memiliki tauliah yang sah, sekaligus menegaskan kepentingan pematuhan kepada syarat kelayakan seperti agama, kesihatan dan latihan.

Di Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menetapkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang menggariskan syarat permohonan, kursus, ujian dan pembaharuan tauliah (JAIS, 2022). Prosedur ini membuktikan bahawa pengurusan tauliah bukan sekadar formaliti tetapi merupakan langkah kawalan kualiti dan pematuhan syarak yang ketat.

Sementara itu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS, 2016) menekankan kepentingan kursus khas dan ujian kelayakan di samping keperluan pematuhan terhadap amalan kebersihan premis. Hal ini menunjukkan bahawa prosedur tauliah penyembelih bukan sahaja tertumpu kepada individu tetapi juga merangkumi aspek kawalan premis sembelihan.

Ibrahim et al. (2018) pula menyoroti peranan Bahagian Pengurusan Halal (BPH) di bawah JAIS dalam memastikan kelancaran sistem pengurusan halal yang lebih fokus, manakala Admin (2023) menjelaskan peranan MAIS sebagai pihak berkuasa utama dalam menetapkan dasar dan garis panduan halal.



Menurut Ruslan (2023), keberkesanan penyembelihan tidak hanya berkaitan dengan aspek kehalalan tetapi juga melibatkan keterampilan dalam menjalankan proses tersebut dengan cermat dan efisien. Kriteria yang melayakkan seseorang mengambil tanggungjawab sebagai penyembelih ayam hendaklah muslim, terlatih serta mengetahui peraturan dan pengurusan rumah sembelihan yang berkaitan dengan pihak berkuasa atau berautoriti di Malaysia.

Secara keseluruhannya, literatur yang sedia ada menegaskan bahawa prosedur permohonan tauliah penyembelih adalah mekanisme penting dalam mengekalkan keyakinan masyarakat Islam terhadap sistem halal di Malaysia melalui pemantauan berterusan, kursus berstruktur serta penguatkuasaan undang-undang syariah. Oleh kerana hal ehwal agama merupakan institusi di bawah kuasa negeri, maka amalan pentauliah sembelihan halal adalah bergantung kepada negeri itu sendiri walaupun secara umumnya kerangka pentauliah sembelihan dibangunkan oleh JAKIM. Justeru kajian ini akan mengenal pasti prosedur dan peraturan berkaitan permohonan tauliah penyembelih bagi penyembelihan halal di Malaysia, khususnya Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang.

PROSEDUR DAN PERATURAN PERMOHONAN TULIAH PENYEMBELIH JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI SELURUH MALAYSIA

Di dalam Islam, penyembelihan adalah sesuatu yang wajib dilaksanakan ke atas binatang yang halal dimakan. Di dalam al-Quran Allah menyuruh untuk melakukan sembelihan bersama prosedur tertentu antaranya menyebut nama Allah.

Dan Kami jadikan unta (yang dihadihkan kepada fakir miskin Makkah itu) sebahagian dari syiar ugama Allah untuk kamu; pada menyembelih unta yang tersebut ada kebaikan bagi kamu; oleh itu sebutlah nama Allah (semasa menyembelihnya) ketika ia berdiri di atas tiga kakinya maka apabila ia tumbang (serta putus nyawanya), makanlah sebahagian daripadanya...


(Al-Hajj: 36)

Prosedur pengeluaran tauliah penyembelih di Malaysia adalah penting untuk memastikan penyembelihan dilakukan mengikut hukum syarak dan standard halal. Prosedur dan peraturan tauliah penyembelih boleh dilihat secara umumnya di Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020, di bahagian Tauliah Penyembelih menyenaraikan syarat-syarat tauliah penyembelih halal dan rumusannya ialah setiap penyembelih atau pemeriksa halal di rumah sembelihan yang diperakui halal wajib memiliki Tauliah Penyembelih yang sah yang dikeluarkan dan diuruskan oleh MAIN/JAIN mengikut prosedur JAKIM. Di dalam MS 1500: 2009 juga menyatakan dengan jelas bahawa penyembelih mesti mempunyai tauliah yang dikeluarkan oleh pihak berautoriti yang kompeten (MS 1500: 2009). Tauliah tersebut mesti dipamer apabila diminta, serta tidak boleh diubah, dipindah milik, disalah guna, atau digunakan bagi tujuan komersial seperti menjual atau mempromosikan sembelihan halal.

Prosedur pengeluaran Tauliah Penyembelih diatur oleh Jabatan Agama Islam negeri untuk memastikan penyembelihan mematuhi prinsip halal dan syariah. Pemohon yang layak mesti memenuhi lima syarat: beragama Islam, sihat akal dan tubuh badan, warganegara Malaysia atau pemastautin tetap, menghadiri kursus yang ditetapkan, dan bekerja di premis penyembelihan yang berdaftar. Pematuhan terhadap syarat-syarat ini penting untuk memastikan amalan penyembelihan dijalankan dengan cara yang betul dan beretika.

Secara umumnya, proses permohonan boleh dirujuk seperti carta alir di bawah:

Carta 1: Carta Alir Permohonan Tauliah Sembelihan



(Sumber: Dokumen SOP JAIS, 2025)

Seterusnya, pemohon perlu melengkapkan dokumen sokongan yang diperlukan. Antara dokumen yang perlu disertakan adalah salinan kad pengenalan, tiga (3) gambar berukuran pasport, sijil kursus yang telah ditetapkan, salinan kad suntikan anti-typhoid, serta salinan lesen premis perniagaan. Semua dokumen ini adalah penting untuk memastikan kelayakan pemohon dalam proses permohonan.

Dari segi kewangan, bayaran permohonan ditetapkan pada RM100 untuk tempoh sah selama dua tahun. Untuk bayaran pembaharuan tauliah, jumlah yang dikenakan adalah RM50 jika pembaharuan dilakukan dalam tempoh tiga bulan sebelum tamatnya tempoh sah laku. Perlu diingatkan bahawa semua bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya permohonan ditolak.

Dalam proses mendapatkan Tauliah Penyembelih, peserta diwajibkan untuk menghadiri kursus yang ditetapkan dan lulus pelbagai ujian, termasuk ujian bertulis, lisan, dan amali. Jika terdapat peserta yang gagal dalam ujian, mereka diberi peluang untuk menduduki semula ujian tersebut tanpa sebarang bayaran tambahan, namun



had bagi ujian semula adalah tidak melebihi dua kali. Setelah menyelesaikan kursus dan lulus ujian, tauliah penyembelih akan dikeluarkan dengan kelulusan daripada pihak berkuasa agama Islam negeri. Hanya pemohon yang berjaya mengikuti kursus dan lulus semua ujian yang akan dipertimbangkan untuk mendapatkan tauliah tersebut.

Tempoh sah laku bagi Tauliah Penyembelih adalah selama dua tahun. Pemohon perlu memastikan untuk mengemukakan permohonan pembaharuan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku bagi mengelakkan sebarang kesulitan dalam proses pembaharuan. Selain itu, pemantauan dan penguatkuasaan akan dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan JAKIM untuk memastikan pematuhan terhadap prosedur dan syarat yang telah ditetapkan. Penyembelih juga diingatkan untuk menjaga kebersihan diri serta kawasan penyembelihan bagi menjamin standard yang tinggi dalam amalan penyembelihan yang mengikut syarak. Secara keseluruhannya, prosedur dan peraturan pengeluaran tauliah penyembelih adalah langkah penting dalam memastikan penyembelihan dilakukan dengan mematuhi hukum syarak dan standard halal di Malaysia (JAKIM, 2020). Dengan syarat-syarat ketat dan proses pemantauan yang berkesan, ia membantu mengekalkan integriti industri penyembelihan halal di negara ini.

Prosedur Permohonan Tauliah Penyembelih Jabatan Agama Islam Negeri Selangor

Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor berfungsi sebagai pengurusan aktiviti permohonan Tauliah Penyembelih, memberi khidmat nasihat dan mempromosi kesedaran halal di pelbagai peringkat masyarakat di negeri Selangor. Pengenalpastian prosedur dan peraturan tauliah penyembelih di Negeri Selangor dan menyenaraikan data dengan mengumpul maklumat daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor.

Tauliah penyembelih adalah dokumen yang diperlukan bagi individu yang ingin menyembelih haiwan mengikut hukum syarak. Borang permohonan tauliah penyembelih yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor adalah dokumen penting yang mengandungi pelbagai maklumat yang diperlukan untuk memohon tauliah bagi menyembelih haiwan mengikut hukum syarak. Berikut adalah ulasan terperinci mengenai borang tersebut. Melihat kepada struktur borang, borang ini dibahagikan kepada beberapa bahagian utama:

- i. Butiran Pemohon: Memerlukan maklumat peribadi seperti nama, kad pengenalan, pendidikan tertinggi, pengalaman menyembelih, dan maklumat hubungan.
- ii. Butiran Syarikat/Majikan: Mengandungi maklumat mengenai syarikat atau majikan pemohon, termasuk nama, alamat, dan nombor telefon.
- iii. Butiran Premis Penyembelihan: Memerlukan maklumat tentang premis di mana penyembelihan akan dilakukan, termasuk alamat dan status lesen PBT.



iv. Perakuan Pemohon dan Majikan: Bahagian ini membolehkan pemohon dan majikan mengesahkan kebenaran maklumat yang diberikan.

Prosedur permohonan tauliah ini diatur oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) untuk memastikan penyembelihan dilakukan dengan mematuhi prinsip halal dan syariah. Pemohon yang layak untuk memohon Tauliah Penyembelih mesti memenuhi beberapa syarat, termasuk beragama Islam, berumur antara 18 hingga 60 tahun, serta dalam keadaan sihat akal dan tubuh badan. Selain itu, pemohon perlu warganegara Malaysia atau pemastautin tetap, menghadiri kursus yang ditetapkan, dan bekerja di premis penyembelihan berdaftar.

Dalam proses permohonan Tauliah Penyembelih, pemohon perlu memastikan semua dokumen sokongan yang diperlukan disertakan bersama borang permohonan. Senarai semak dokumen termasuk salinan kad pengenalan, gambar berukuran pasport, salinan SSM syarikat, salinan lesen PBT atau surat sokongan agensi, surat pengesahan majikan, peta lokasi premis penyembelihan, serta jadual operasi dan bertugas.

Bagi kadar fi permohonan, pemohon perlu membayar RM150 untuk permohonan baru yang sah selama dua tahun. Untuk ulangan kursus, caj yang dikenakan adalah RM150, sementara ulangan ujian dikenakan bayaran RM10. Penting untuk diperhatikan bahawa semua bayaran ini tidak akan dikembalikan jika permohonan ditolak. Peserta yang memohon juga diwajibkan mengikuti kursus yang ditetapkan dan lulus ujian bertulis, lisan, dan amali, bagi memastikan mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam penyembelihan halal. Tauliah penyembelih hanya akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan, dengan tempoh sah laku tauliah adalah selama dua tahun. Pemohon perlu memastikan untuk mengemukakan permohonan pembaharuan sebelum tamat tempoh sah laku bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengeluaran Tauliah Penyembelih Secara Komersial

Prosedur Operasi Standard (SOP) ini ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mengurus pengeluaran tauliah penyembelih bagi individu yang terlibat dalam penyembelihan haiwan halal secara komersial. Dalam proses permohonan, pemohon perlu mendapatkan borang permohonan melalui portal rasmi JAIS atau di pejabat berkaitan, di mana borang tersebut mesti dilengkapi dan diperakui oleh majikan. Dokumen sokongan yang perlu dilampirkan termasuk salinan kad pengenalan, surat lantikan pekerja, lesen atau surat sokongan PBT, salinan SSM syarikat, peta lokasi premis, serta fi kursus yang ditetapkan (JAIS, 2022).

Pemohon diwajibkan untuk menghadiri kursus yang ditetapkan dan lulus semua ujian yang dijalankan. Setelah memenuhi syarat tersebut, pemohon yang lulus akan menerima Sijil dan Kad Tauliah Penyembelih. Laporan kursus akan dibentangkan dalam mesyuarat untuk kelulusan akhir. Kadar fi permohonan adalah RM150, yang merangkumi kos penyediaan kursus dan makanan, sementara ulangan kursus dikenakan bayaran RM150 dan ulangan ujian sebanyak RM10 (JAIS, 2022).



Tauliah penyembelih adalah sah selama dua tahun dan perlu diperbaharui dalam tempoh tiga bulan sebelum tamat. Pembaharuan tauliah yang dilakukan selepas tamat tempoh akan dikenakan denda, dan jika melebihi setahun, pemohon perlu mengikuti kursus semula. Pemegang tauliah mesti mematuhi hukum syarak semasa penyembelihan dan memastikan haiwan dalam keadaan sihat, kerana tauliah boleh ditarik balik jika terdapat pelanggaran peraturan (JAIS, 2022).

Kesimpulannya, SOP ini memastikan proses pengeluaran tauliah penyembelih adalah sistematik dan memenuhi keperluan syarak, menjamin keselamatan serta kualiti dalam industri penyembelihan halal di Malaysia.

Prosedur Pengeluaran Tauliah Sembelihan Halal di Pulau Pinang dan Negeri Sembilan

Dalam bahagian ini, kajian ini memberi penumpuan kepada dua negeri sahaja iaitu Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Prosedur Pengeluaran Tauliah Sembelihan Bahagian Pengurusan Halal (BPH), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)

Di Pulau Pinang, Bahagian Pengurusan Halal (BPH) di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Tauliah Penyembelih dan Sijil Asas Sembelihan. Proses ini bertujuan untuk memastikan setiap penyembelih mematuhi syariat Islam dan beroperasi mengikut prosedur yang sah dan selamat, sekaligus menjamin kualiti halal dalam amalan sembelihan. Pengumpulan maklumat dan data berkaitan dengan prosedur pengeluaran Tauliah Sembelihan adalah diambil daripada Garis Panduan Pengeluaran Sijil Tauliah Penyembelih Dan Sijil Asas Sembelihan Negeri Pulau Pinang.

Untuk melayakkan diri sebagai penyembelih bertauliah, pemohon bagi Sijil Tauliah Penyembelih perlu memenuhi beberapa syarat penting, antaranya beragama Islam, sihat dari segi fizikal dan mental, serta bekerja di rumah sembelihan berdaftar di Pulau Pinang. Pemohon juga mesti mengikuti kursus khas dan lulus ujian yang disediakan oleh JHEAIPP. Syarat tambahan termasuk pemohon berumur antara 18 hingga 60 tahun, dan bagi warga asing, mereka perlu mempunyai visa kerja yang sah (JHEAIPP, 2024).

Sementara itu, bagi Sijil Asas Sembelihan disasarkan kepada penyembelih awam yang bermastautin di Pulau Pinang. Proses permohonan bagi sijil ini serupa dengan Sijil Tauliah, tetapi ia lebih terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas tanpa had umur maksimum. Pemohon perlu menjalani kursus dan lulus ujian sebagai sebahagian daripada kelayakan untuk mendapatkan sijil.

Proses permohonan melibatkan pengisian borang yang perlu disertakan dengan dokumen sokongan, dan dihantar kepada BPH JHEAIPP. Bayaran yang dikenakan adalah RM100 untuk Sijil Tauliah Penyembelih dengan tempoh sah selama dua tahun, manakala Sijil Asas Sembelihan dikenakan fi RM50 dengan tempoh sah selama tiga



tahun. Pembaharuan sijil perlu dilakukan tiga bulan sebelum sijil tamat tempoh bagi memastikan kesahan berterusan (JHEAIPP, 2024).

Selain daripada kelayakan dan proses permohonan, pemohon juga diwajibkan menghadiri kursus sembelihan yang merangkumi ujian bertulis, lisan, dan amali. Ujian ini memastikan setiap pemohon benar-benar memahami teknik dan hukum-hukum berkaitan sembelihan halal. Sekiranya pemohon gagal dalam ujian lisan atau bertulis, mereka boleh menduduki semula ujian dalam masa 14 hari tanpa bayaran tambahan (JHEAIPP, 2024).

Bagi memelihara etika dan profesionalisme, setiap penyembelih bertauliah perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh JHEAIPP, termasuk menjaga kebersihan kawasan sembelihan dan mematuhi kod pakaian yang sopan dan menutup aurat. Penyembelih juga perlu bersedia untuk menunjukkan sijil mereka kepada pihak berkuasa jika diperlukan.

Penguatkuasaan dilakukan oleh JHEAIPP, yang berhak memantau aktiviti penyembelihan dan mengambil tindakan termasuk menggantung atau membatalkan sijil jika terdapat pelanggaran syarat. Sijil Tauliah yang dikeluarkan oleh negeri lain turut diterima di Pulau Pinang sebagai dokumen sokongan, selama sijil tersebut masih sah.

Secara keseluruhannya, prosedur permohonan dan pengeluaran sijil ini memperkukuh amalan penyembelihan halal di Pulau Pinang, menjamin kesucian dan kelangsungan syariat Islam dalam bidang ini. Panduan ini bukan sahaja memastikan penyembelih bertauliah mempunyai pengetahuan yang betul, malah turut menjaga standard halal bagi manfaat masyarakat Islam di negeri tersebut. Walaupun terdapat persamaan dalam prosedur pengeluaran tauliah penyembelih di Pulau Pinang dan negeri-negeri lain seperti Selangor, terdapat juga perbezaan dalam syarat kelayakan pemohon, kadar bayaran, serta proses kursus dan ujian. Ini menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai pendekatan tersendiri dalam memastikan penyembelihan halal dilaksanakan dengan mematuhi syariat Islam.

Prosedur dan Peraturan Pengeluaran Tauliah Penyembelih di Negeri Sembilan Darul Khusus

Pengeluaran Tauliah Penyembelih di Negeri Sembilan dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) berdasarkan prosedur yang telah ditetapkan. Manual prosedur yang digunakan memastikan bahawa setiap penyembelih yang bertauliah mematuhi peraturan syariat Islam serta undang-undang yang berkaitan dengan amalan penyembelihan halal di pusat-pusat sembelihan berdaftar. Ini mencerminkan keperluan untuk pematuhan ketat terhadap standard pensijilan halal yang berfungsi sebagai panduan utama dalam operasi sembelihan, seperti yang diperuntukkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) dan piawaian MS 1500:2009.



Permohonan tauliah ini memerlukan pemohon memenuhi syarat-syarat tertentu, termasuk beragama Islam, sihat fizikal dan mental, serta bekerja secara tetap di rumah sembelihan berlesen. Pemohon juga perlu menjalani kursus khas dalam tempoh enam bulan selepas menerima tauliah dan lulus ujian bertulis serta lisan. Selain daripada kelayakan penyembelih, premis penyembelih juga diwajibkan memenuhi syarat-syarat tertentu, seperti mempunyai sistem amalan pengilangan yang baik (GMP) dan sistem kawalan amalan pekerjaan (GHP). Premis yang memproses lebih daripada 1,000 ekor ternakan sehari perlu memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia serentak dengan tauliah penyembelih (JHEAINS, 2016).

Dari segi tatacara permohonan, pemohon perlu mengisi borang yang boleh diperolehi melalui pejabat agama daerah atau laman web JHEAINS. Permohonan baru mesti disertakan dengan dokumen sokongan seperti salinan kad pengenalan, kad suntikan anti-typhoid yang sah, dan lesen premis. Bayaran sebanyak RM50 dikenakan bagi setiap permohonan tauliah, yang sah untuk tempoh dua tahun dan bayaran tidak akan dikembalikan seandainya permohonan gagal atau ditolak (JHEAINS, 2016).

Proses pentauliah melibatkan ujian bertulis dan lisan, serta pemantauan terhadap premis penyembelihan. Pemohon yang gagal boleh menduduki ulangan ujian sebanyak dua kali. Setelah mendapat tauliah, penyembelih diwajibkan mematuhi etika dan peraturan yang ditetapkan, termasuk menjaga kebersihan, berpakaian sopan, dan memastikan bahawa hanya sembelihan yang sah dijual kepada pelanggan. JHEAINS juga mempunyai kuasa untuk menjalankan pemantauan berkala dan boleh menggantung atau membatalkan tauliah sekiranya terdapat pelanggaran peraturan atau hukum syarak. Sebagai contoh, keadaan premis yang tidak terkawal dari aspek kebersihan dan keselamatan; atau gagal menghadiri kursus yang ditetapkan oleh JHEAINS (JHEAINS, 2016).

Pengeluaran tauliah ini memperkukuh sistem penyembelihan halal di Negeri Sembilan, dengan menggabungkan aspek kawalan kualiti dan pematuhan hukum syarak. Penguatkuasaan peraturan yang ketat ini memastikan bahawa produk yang dihasilkan di negeri ini mematuhi piawaian halal yang ketat, sekaligus memberi keyakinan kepada pengguna Muslim.

ANALISIS PERBEZAAN PERMOHONAN TAULIAH SEMBELIHAN NEGERI SELANGOR, NEGERI SEMBILAN DAN PULAU PINANG

Permohonan tauliah penyembelihan di Malaysia berbeza mengikut negeri, dengan setiap negeri mempunyai garis panduan dan prosedur yang tersendiri. Berikut adalah analisis perbezaan antara permohonan tauliah di Negeri Selangor dan beberapa negeri lain seperti Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.



Jadual 1: Analisis Perbezaan Permohonan Tauliah Sembelih Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang

ANALISIS PERBEZAAN	NEGERI SELANGOR	NEGERI SEMBILAN	PULAU PINANG
Pihak Berkuasa Bertanggungjawab	Permohonan diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Halal (BPH), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).	Dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).	Permohonan dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Halal (BPH), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).
Syarat Permohonan	Pemohon mesti beragama Islam, sihat akal dan tubuh badan, serta warganegara Malaysia. Menghadiri kursus dan lulus ujian yang ditetapkan. Umur pemohon mesti antara 18 hingga 60 tahun.	Syarat utama termasuk pemohon beragama Islam, bekerja di pusat sembelihan berlesen, dan lulus ujian bertulis serta lisan. Suntikan anti-tifoid juga diperlukan.	Syarat serupa dengan Negeri Selangor, tetapi juga menekankan keperluan pemohon untuk bekerja di rumah sembelihan yang berdaftar di Pulau Pinang.
Tempoh Sah Laku	Tempoh sah laku adalah 2 tahun.	Tempoh sah laku adalah 2 tahun.	Sijil Tauliah Penyembelih sah selama dua tahun, manakala Sijil Asas Sembelihan sah selama tiga tahun.
Fi Permohonan	Yuran kursus ditetapkan sebanyak RM150.	Fi permohonan adalah sebanyak RM50 untuk setiap permohonan.	Fi untuk Sijil Tauliah Penyembelih adalah RM100 dan untuk Sijil Asas Sembelihan adalah RM50.



Pemantauan Penguatkuasaan	dan	JAIS mempunyai kuasa untuk membuat pemantauan dan penguatkuasaan tanpa notis pada bila-bila masa.	Pemantauan dilakukan oleh JHEAINS atau JAKIM dan premis perlu memberikan kerjasama penuh.	Pemantauan dilakukan oleh JHEAIPP, dan sijil boleh ditarik balik jika terdapat pelanggaran syarat.
---------------------------	-----	---	---	--

(Sumber: Analisis Penulis, 2025)

Jadual 1 di atas menunjukkan terdapat perbezaan permohonan tauliah sembelihan di negeri Selangor, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan. Perbezaan yang paling ketara ialah perbezaan dari sudut syarat permohonan, tempoh sah laku dan fi permohonan. Antara sebab berlakunya perbezaan ini ialah kerana di Malaysia, hal ehwal agama Islam diletakkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, bukan kerajaan persekutuan. Kedudukan ini berpaksikan kepada Perlembagaan Persekutuan, khususnya Senarai Negeri (Senarai II) Jadual Kesembilan, yang memperuntukkan bahawa urusan berkaitan agama Islam adalah tanggungjawab dan kuasa eksklusif negeri (Kerajaan Malaysia, 2023). Oleh yang demikian, segala syarat-syarat dan perincian kepada permohonan tauliah sembelihan ini adalah tertakluk kepada budi bicara dan persetujuan oleh pihak berautoriti negeri.

Hal ini boleh memberi kesan kepada industri penyembelihan halal di setiap negeri kerana kecenderungan pengusaha untuk membuka pusat penyembelihan di negeri yang lebih murah, cekap dan syarat yang lebih longgar. Tambahan pula pengusaha pusat sembelihan halal yang ingin memohon pensijilan halal perlu mendapatkan kebenaran dan lesen daripada PBT yang juga mempunyai syarat perlesenan yang berbeza-beza.

Antara kesan lain ialah munculnya premis sembelihan tidak berdaftar di PBT atau pun JAINS kerana birokrasi dan peraturan yang ketat di pihak berkuasa. Rentetan itu, berlaku manipulasi pasaran dan harga sehingga menyebabkan premis yang berdaftar dan mempunyai pensijilan halal terkesan dengan situasi tersebut.

Kesimpulannya, perbezaan dalam permohonan tauliah penyembelihan di negeri-negeri Malaysia mencerminkan keperluan tempatan dan prosedur penguatkuasaan masing-masing. Walaupun terdapat persamaan dalam syarat asas, setiap negeri mempunyai pendekatan tersendiri dalam pengurusan dan pelaksanaan tauliah penyembelihan.

ISU DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM PENTAULIAHAN SEMBELIHAN

Berikut ialah perbincangan secara terperinci berkaitan isu dan cadangan penambahbaikan sistem pentauliahan sembelihan berdasarkan dapatan melalui analisis dokumen berdasarkan borang permohonan, SOP, garis panduan dan



maklumat yang diambil melalui website setiap Jabatan Agama Islam Negeri yang terlibat.

Ketidakteragaman Syarat Permohonan Tauliah Sembelihan

Dapatan kajian mendapati syarat permohonan tidak seragam sebagai contoh JHEAINS menetapkan keperluan bekerja di pusat sembelihan berlesen (PBT) sedangkan JAIS dan JHEAIPP mencukupi sekadar bekerja di syarikat berdaftar dengan SSM. Implikasi ketidakteragaman ini menimbulkan isu pemusatan industri yang cenderung kepada negeri yang lebih mudah untuk membuat permohonan tauliah sembelihan. Rentetan implikasi ini akan menyebabkan pendapatan negeri akan bertumpu ke negeri yang lebih toleran dan berlaku ketidakseimbangan kepada perindustrian khususnya sembelihan halal di setiap negeri. Dicadangkan keseragaman syarat permohonan tauliah sembelihan dilaksanakan untuk mewujudkan iklim pengurusan dan perindustrian yang lebih kompetitif dan seragam di seluruh negara.

Menambahkan Syarat Kursus Pra Tauliah Kepada Pemilik Syarikat Sebagai Pra Syarat Permohonan Tauliah Sembelihan

Di dalam borang permohonan tidak dinyatakan status syarikat sama ada muslim atau non muslim. Ini bermakna pemohon boleh bekerja di syarikat yang dimiliki sama ada muslim atau non muslim. Berdasarkan kajian kajian Mohd Al'Ikhsan Ghazali dan Siti Salwa Md. Sawari (2015: 15-20), integriti individu yang terdiri daripada pekerja, pengusaha atau pengurus yang terlibat dalam mematuhi standard yang ditetapkan adalah diragui. Pandangan ini diperkukuhkan melalui kajian Fakhri et. al. (2025), di mana pemilik syarikat hanya fokus kepada perniagaan dan menjadikan pensijilan halal hanya untuk tujuan perkembangan perniagaan semata-mata. Ini satu fenomena yang menggambarkan kurangnya kesedaran dalam memartabatkan tuntutan fardhu kifayah berbanding keuntungan yang menjadi keutamaan dalam perniagaan. Semangat dan roh penyembelihan halal sebagai sumber makanan halal dan barakah tidak menjadi keutamaan syarikat yang dimiliki terutamanya non Muslim atau bukan bumiputera.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menambahbaik kesedaran di kalangan pemilik syarikat tentang tuntutan fardhu kifayah dan pengetahuan tentang keperluan dharuri masyarakat muslim terhadap makanan halal dilaksanakan melalui Syarat Kursus Pra Tauliah kepada pemilik syarikat sebagai pra syarat permohonan tauliah sembelihan. Dengan erti kata lain, dengan pelaksanaan sistem pentauliah ini, pemilik syarikat mempunyai kesedaran dan komitmen sembelihan halal dan pekerja pula mempunyai kompetensi sembelihan halal.

Menambahkan Syarat Kelayakan Akademik Bagi Pemohon Tauliah Bagi Kategori Industri Sederhana dan Ke Atas

Tauliah sembelihan sedia ada tidak membezakan kompetensi pemegang tauliah khususnya dalam kemampuan menyembelih di dalam kategori industri tertentu.



Keperluan industri bukan sekadar kemampuan dan stamina penyembelih bertauliah, kemahiran personel penyembelih mengendalikan persekitaran, mesin industri kuantiti haiwan yang banyak tetapi juga pengetahuan agama fardu ain dan fardu kifayah yang menjamin komitmen antara ilmu dan amal melalui kelayakan akademik.

Kelayakan akademik minimum perlu ditetapkan bagi pemohon tauliah sembelihan khususnya bagi industri sederhana dan besar. Dalam konteks pensijilan halal, kategori industri sederhana dan besar bagi premis penyembelihan halal ialah jumlah minimum penyembelihan bagi jenis haiwan tertentu seperti yang telah ditetapkan di dalam Manual Halal Management System (2020) dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) (2020). Syarat tambahan ini dapat memastikan pemohon tauliah memiliki pendidikan formal dan pengetahuan asas agama (fardhu ain) yang mampu mendorong komitmen pematuhan pemohon tauliah dalam proses sembelihan halal di samping piawaian minimum kelayakan perjawatan dan penggajian. Cadangan kelayakan akademik minimum bagi pemohon berstatus bumiputera:

- i. Diploma Pengajian Islam dan/atau
- ii. Sijil Pengajian Islam@Syariah/ Rabi' Thanawi/ Sijil Menengah Agama (SMA)
Tambahan kelayakan (kelebihan): Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) tahap 2 atau 3.

Status syarikat dalam kategori sederhana dan besar juga dilihat perlu memiliki tenaga kerja yang berkredibiliti dan kompeten dari sudut pengetahuan dan kemahiran di samping kemampuan syarikat membiayai kos pekerja.

Potensi kerjaya sebagai penyembelih bertauliah yang kompeten melalui SKM adalah satu nilai tambah kepada potensi pasaran kerjaya penyembelih di peringkat antarabangsa. Sijil SKM Tahap 2 dan 3 memenuhi kemahiran asas sembelihan halal, pengurusan rumah sembelihan, audit halal dalaman (sembelihan) dan kawalan kualiti.

Mewujudkan Direktori Pemegang Tauliah Penyembelihan Halal di Laman Sesawang Rasmi JAIN

Pendedahan informasi yang dikehendaki pengguna pada bila-bila masa yang diperlukan menjadi satu indikator perkhidmatan mesra pelanggan sesuatu institusi. Laman sesawang setiap JAIN boleh dinaik taraf dan dikemaskini dengan semua informasi berkaitan serta boleh diakses melalui pelbagai medium atau platform. Akses kepada maklumat pemegang tauliah penyembelihan mampu menjawab keraguan pelanggan terhadap premis berkaitan. Ini akan meningkatkan lagi tahap keyakinan pelanggan terhadap JAIN dan secara langsung mengurangkan aduan dan pertanyaan.

Kemudahan akses melalui kod QR sangat mudah digunakan dengan capaian yang meluas. Penambahan aplikasi komentar pula memberi refleksi kepada akses ini. Fasiliti ini secara langsung memudahkan pelanggan untuk memastikan status premis yang dilanggan melalui proses semak silang dengan direktori dan akses yang disediakan oleh semua JAIN.



KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa sistem pentauliahahan penyembelih halal merupakan komponen penting dalam memastikan keutuhan industri halal di Malaysia. Melalui analisis terhadap negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang, didapati setiap negeri mempunyai prosedur dan syarat tersendiri dalam proses pengeluaran tauliah penyembelih. Walaupun garis panduan asas adalah berpaksikan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) oleh JAKIM, pelaksanaannya masih berbeza antara negeri, terutamanya dari segi fi permohonan, tempoh sah laku, keperluan kursus, dan syarat pemohon.

Perbezaan ini menunjukkan wujudnya ketidakseragaman dalam pelaksanaan dasar pentauliahahan yang boleh memberi kesan kepada keseimbangan industri sembelihan halal antara negeri. Kajian turut mengenal pasti beberapa isu utama seperti ketidakselarasan syarat permohonan, kurangnya kesedaran pemilik syarikat terhadap tanggungjawab fardhu kifayah, serta ketiadaan penekanan terhadap kelayakan akademik penyembelih bagi industri berskala besar.

Bagi memperkukuh sistem ini, artikel mencadangkan beberapa penambahbaikan penting iaitu (i) penyelarasan syarat permohonan di seluruh negeri bagi mewujudkan sistem pentauliahahan yang seragam dan adil, (ii) pelaksanaan kursus pra-tauliah untuk pemilik syarikat bagi meningkatkan kefahaman tentang tanggungjawab halal dan nilai spiritual penyembelihan, (iii) penetapan kelayakan akademik minimum bagi penyembelih di industri sederhana dan besar untuk menjamin kompetensi serta pematuhan syariah, dan (iv) pembangunan direktori digital pemegang tauliah halal di laman sesawang rasmi JAIN sebagai langkah ketelusan dan memudahkan semakan awam.

Kesimpulannya, sistem pentauliahahan penyembelih halal di Malaysia telah berkembang dengan baik tetapi memerlukan penyelarasan bersepadu antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri bagi memastikan standard halal yang seragam, telus dan diyakini di seluruh negara. Langkah ini bukan sahaja memperkukuh keyakinan pengguna Muslim, malah mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam industri halal.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim.

Abdul Qahhar, I., Noorsafuan, C. N., Roslan, A. R., & Mohd Borhanuddin, Z. (2018). Cabaran pelaksanaan hisbah Bahagian Pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 1(4), 12-19.



- Al-Qaradawi, Y. (1960). *Al-Halal wal Haram fi'l Islam*. Trans. Kamal El-Helbawy, M. Moinuddin Suidi, and Syed Shukry (Reviewed by Ahmad Zaki Hammad), *The Lawful and the Prohibited in Islam*. al-Ittihad al-Islami al-Alimi li al-Munazzamat al-Tullabiyyah
- Abdullah, M. A., Zakaria, Z., Buang, A. H., & Ismail, S. Z. (2021). Pensijilan Halal di Malaysia: Suatu Analisis Pensejarahan Dan Perkembangannya: Halal Certification in Malaysia: An Analysis of Its History and Development. *Journal of Shariah Law Research*, 6(2), 235-272.
- Fakhri Sungit, Mohd Musa Sarip, Muhammad Subari Ramli, Mohd Fadhli Ab Rahman, Muhammad Alrazi Ahmad Nor Komar, Mohammed Rizki Moi, Muhammad Firdaus Muhammad Sabri (2025) *Analisis Profil Premis Sembelihan Halal Di Negeri Selangor*. Laporan Geran Penyelidikan MAIS 2024. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) (2022). *Prosedur Operasi Standard (SOP) Tauliah Penyembelih*. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2020). *Manual Halal Management System*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2020). *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik)*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) (2016). *Manual Prosedur Tauliah Penyembelih Negeri Sembilan*. Negeri Sembilan: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) (2024). *Garis Panduan Pengeluaran Sijil Tauliah Penyembelih Dan Sijil Asas Sembelihan Negeri Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) (2023) *Perangkaan Ternakan Livestock Statistics 2022/2023*. Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).
- Kerajaan Malaysia. (2023). *Perlembagaan Persekutuan (Pindaan Hingga 2023)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad. — *Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri)*.
- Mohd Al'ikhsan Ghazali & Siti Salwa Md. Sawari (2015). Mengglobalisasikan Sistem Piawaian Standard Halal Malaysia di Peringkat Dunia, *Sains Humanika*, Vol. 53, 2289-6996.
- MS1500: 2009. (2009). *Halal Food - Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines (Second Revision)*. Department of Standard Malaysia



- Razaly, M. M., & Zakaria, Z. (2018). Pelaksanaan Sistem Pengurusan Jaminan Halal Di Rumah-Rumah Sembelihan Ayam Halal Dan Isu-Isu Berkaitan: Satu Sorotan Literatur. *Journal of Shariah Law Research*, 3(1), 105-124.
- Ruslan Said, Rusjdy Ali Muhammad & Ali Abubakar. (2023). Amalan Semasa Proses Penyembelihan Halal Di Rumah Sembelihan Ayam. *Jurnal ILIM*. Bil. 9. ISSN 1985-5842.
- Sungit, F., & Ahmad, K. A. (2018). Dilema Perbankan Dan Kewangan Islam: Analisis Dimensi Fiqh Dan Maqasid Al-Syariah. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 18-36.
- Sungit, F., Mohd Deni, M. I., Abdullah, M., & Syahwahid, F. (2020). Concepts And Practices of Halalan Tayyiban in The Islamic Manufacturing Practice (IMP): An Analysis from Syariah Perspective. *ESTEEM Journal of Social Sciences and Humanities*, 4, 214-229.
- Zaharudin, W. M., Sungit, F., Azizan, N. I., & Mutalib, S. A. (2022). Parameter Halalan Tayyiban dari Perspektif Maqasid Al-Syariah dalam Produk Makanan Enzim: The Parameter of Halalan Tayyiban from Maqasid al-Syariah Perspective in Enzyme Food Products. *Journal of Muwafaqat*, 5(2), 16-32.
- Zainalabidin, F.A., Hassan, F.M., Zin, N.S.M., Azmi, W.N.W. & Ismail, M.I. (2019) Halal System in Meat Industries. *Malaysian Journal of Halal Research* 2(1) 1-5.